

15 OCT 2001

Amerika-Mahathir

BUSH HARGAI SURAT DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 15 Okt (Bernama) -- Presiden George W. Bush menghargai surat yang diterimanya minggu lepas daripada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai usaha membanteras keganasan dan beliau tidak sabar untuk menemui Perdana Menteri di Shanghai pada forum APEC di bandar raya China itu hujung minggu ini.

Penghargaan pemimpin Amerika Syarikat itu disampaikan oleh Wakil Perdagangan negara itu, Robert B. Zoellick, apabila beliau mengunjungi Dr Mahathir di pejabat Perdana Menteri di sini hari ini.

Seorang pegawai Wisma Putra yang turut hadir pada pertemuan satu jam itu berkata, Amerika Syarikat berminat belajar daripada Malaysia mengenai cara menangani penganas kerana Malaysia pernah berdepan dengan ancaman serupa oleh komunis 30 tahun lepas.

Amerika juga menghargai perutusan takziah yang dihantar oleh Malaysia dan Dr Mahathir kepada keluarga lebih 5,000 mangsa yang terbunuh apabila penganas menggunakan dua pesawat penumpang yang dirampas untuk merempuh dan meranapkan menara kembar World Trade Center di New York dan sebuah lagi pesawat untuk merempuh Pentagon di Washington pada 11 Sept lepas.

Pegawai Wisma Putra itu berkata bahawa dalam pertemuan hari ini, Dr Mahathir mengulangi pendirian Malaysia menentang keganasan serta kebimbangan negara ini terhadap merebaknya keganasan.

"Dr Mahathir juga memberitahu Wakil Perdagangan Amerika Syarikat itu bahawa usaha menentang keganasan perlu diterima oleh masyarakat antarabangsa, dan bahawa punca sebenar kepada ancaman ini harus diatasi dahulu," kata pegawai itu.

Perdana Menteri turut menjelaskan bahawa tindakan yang ganas oleh kumpulan-kumpulan tertentu dilakukan oleh mereka yang mempunyai matlamat yang salah.

Beliau juga mengulangi bahawa serangan udara Amerika terhadap Afghanistan tidak akan menyelesaikan masalah berhubung keganasan, sebaliknya ia akan merumitkan lagi keadaan, kata pegawai itu.

Katanya Dr Mahathir mahu Amerika Syarikat mencari jalan menyelesaikan masalah di Palestin kerana itu merupakan isu yang menyebabkan berlaku keganasan di seluruh dunia.

"Bagaimanapun, Perdana Menteri memberitahu Zoellick bahawa beliau berharap kritikan itu tidak akan dianggap sebagai tanda bahawa Malaysia adalah anti-Amerika," kata pegawai Wisma Putra itu.

Menurut beliau, Zoellick berkata Washington faham bahawa Malaysia bukannya anti-Amerika, "malah, mengakui rakyat Malaysia merupakan antara orang yang paling peramah dan mesra di dunia."

Pegawai itu berkata Amerika Syarikat melihat Malaysia sebagai contoh kepada negara-negara membangun daripada segi kemajuan, pembangunan dan toleransi beragama.

Pertemuan itu juga menyentuh perkara-perkara ekonomi khususnya pusingan terbaru rundingan Pertubuhan Perdagangan Sedunia.

"Mereka (Dr Mahathir dan Zoellick) bersetuju bahawa banyak negara terjejas akibat serangan itu dan sesuatu perlu dilakukan untuk merangsang pertumbuhan, tetapi Perdana Menteri berkata Malaysia sudahpun mengambil tindakan dan mampu menghadapi suasana ekonomi semasa," kata pegawai itu.

-- BERNAMA

SR AHH MAI